

24 AUG 2000
Pemuda-Filem

PEMUDA UMNO ANJUR TAYANGAN PERDANA FILEM LT ADNAN 29 OGOS

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno akan menganjurkan tayangan perdana filem "Lt Adnan" yang mengisahkan perjuangan seorang anggota tentera menentang Jepun ketika Perang Dunia Kedua.

Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno Zulkifli Alwi berkata, filem itu akan ditayangkan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada pukul 8 malam, 29 Ogos ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan menjadi tetamu jemputan khas pada tayangan itu, katanya.

"Tujuan kita menganjurkan tayangan ini ialah mengutip sumbangan untuk Tabung Hari Pahlawan dan sebahagiannya akan digunakan untuk membantu beberapa orang balu tentera termasuk membina sebuah rumah untuk seorang balu tentera di Pelabuhan Klang," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Sebelum ini Pemuda Umno telah menyumbangkan RM50,000 kepada tabung berkenaan.

Sebanyak 3,500 tetamu termasuk para pelajar universiti, kadet akademik polis dan tentera serta anggota pertubuhan belia diundang untuk menonton tayangan perdana filem itu.

Pemuda Umno menetapkan sasaran untuk mengutip RM100,000 menerusi tajaan daripada pelbagai pertubuhan dan syarikat tidak termasuk sumbangan orang ramai.

"Kita juga berharap penayangan filem ini akan dapat memberi kesedaran kepada generasi muda mengenai perjuangan anggota tentera pada masa dulu," katanya.

Tayangan perdana filem Lt Adnan pernah diadakan di beberapa negeri sebelum ini yang juga bertujuan mengutip derma sempena Hari Pahlawan.

Sementara itu, Assistant Ketua Staf Perisikan Markas Tentera Darat Kol. Sharom Hashim yang turut hadir pada sidang media itu memuji usaha Pemuda Umno menganjurkan tayangan perdana filem berkenaan.

"Ini akan membantu meningkatkan lagi kutipan tabung bagi membantu bekas anggota tentera," katanya.

Filem terbitan Grand Brilliance Sdn Bhd dengan kerjasama Kementerian Pertahanan itu diarahkan oleh Aziz M. Osman dan dibintangi oleh pelakon popular seperti Hairie Othman, Umie Aida, Faizal Hussein dan Shaharudin Tamby.

-- BERNAMA
RZS APG AZZ PR